



Solar For Rakyat Incentive Scheme

Solar For Rakyat Incentive Scheme, SolaRIS ialah program insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu melalui pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) di kalangan pelanggan kediaman untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu kepada 70% menjelang tahun 2050 dan mengurangkan pelepasan karbon.

Rebat tunai sehingga RM4,000 akan diberikan kepada pelanggan kediaman yang mengemukakan permohonan Net Energy Metering (NEM) kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia pada dan selepas 1 April 2024 serta berjaya memulatugas sistem pepasangan solar PV mereka dengan TNB.

Kelayakan SolaRIS



Pelanggan Kediaman
TNB (Tarif A)
*Kecuali perniagaan



Pemohon NEM Rakyat
kali pertama yang berjaya
bermula 1 April 2024



Warganegara Malaysia

*Setiap pelanggan layak menerima
SATU rebat sahaja

Nota : Pemohon yang telah memperoleh kelulusan
mana-mana kategori NEM sebelum ini tidak layak
untuk menerima rebat SolaRIS

Ciri-ciri SolaRIS

- ✓ **Rebat tunai sekali sahaja:** RM1,000/kWac sehingga **maksimum RM4,000** untuk pelanggan NEM Rakyat yang memohon dan mendapat kelulusan bermula 1 April 2024.
*Tertakluk kepada terma dan syarat program SolaRIS.
- ✓ Pemberian rebat adalah berdasarkan prinsip "**first come first served**" dari 1 April 2024 dan berjaya mulatugas sistem pepasangan solar PV sebelum 30 April 2025, atau sehingga kesemua kuota rebat SolaRIS habis diagihkan, yang mana terdahulu.
- ✓ Pembayaran rebat akan dipindahkan ke akaun bank tempatan di bawah nama pelanggan TNB yang berdaftar selepas menerima emel daripada TNB untuk permohonan SolaRIS.

Manfaat SolaRIS



Pulangan pelaburan
yang lebih pantas bagi
pemasangan solar PV



Melindungi alam sekitar
dengan mengurangkan
pelepasan karbon

Untuk maklumat lanjut:

Layari portal myTNB di www.mytnb.com.my/renewable-energy/net-energy-metering

Hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 | E-mel ke tnbcareline@tnb.com.my

Facebook TNB CareLine | X @Tenaga_Nasional (24 jam)



SolaRIS

Solar For Rakyat Incentive Scheme

Cara untuk memohon rebat tunai SolaRIS

1




Pelanggan merancang untuk memasang solar fotovoltaik (PV) di premis kediaman.

2




Pelanggan melantik Pembekal Perkhidmatan Solar PV Berdaftar (RPVSP) untuk memasang sistem solar PV (Untuk maklumat lanjut, layari www.seda.gov.my/rpvsp).
RPVSP akan membuat permohonan NEM Rakyat bagi pihak pelanggan.

3



RPVSP memasang sistem solar PV untuk pelanggan.

6



Pelanggan menerima emel daripada TNB bagi permohonan SolaRIS dalam tempoh 14 hari bekerja.

5




Pelanggan menerima emel daripada TNB tentang pengesahan NEM Rakyat.

4



Setelah pemasangan solar PV selesai, pelanggan menandatangani kontrak NEM (Penukaran meter TNB akan dilakukan jika berkenaan).


7



Pelanggan mengisi butiran dalam borang yang disediakan iaitu:


- Nama
- No. Kad Pengenalan
- Nama Bank
- Nombor Akaun Bank*
- Pengesahan Pelanggan & Terma dan Syarat

8



Selepas penyerahan butiran, pelanggan menerima emel pengesahan permohonan SolaRIS (Rebat tunai akan dipindahkan ke akaun bank pelanggan dalam tempoh 14 hari bekerja).

9



Pelanggan menerima notifikasi emel tentang pemindahan rebat tunai telah berjaya.

*Butiran akaun bank yang diisi mestilah di atas nama pelanggan TNB yang berdaftar

